

**Penglibatan Program Upskilling Dan Kebimbangan Kerjaya Terhadap Kesediaan
Bekerja Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir**

ABSTRACT

k Penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia telah memberi kesan yang tragis buat seluruh masyarakat global termasuklah masyarakat di Malaysia. Penularan wabak COVID-19 ini juga telah melumpuhkan sektor-sektor utama seperti sektor pendidikan, ekonomi dan perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, penawaran pekerjaan menjadi terhad ekoran daripada persaingan dalam mendapatkan pekerjaan akibat daripada berlakunya penularan wabak COVID-19 ini. Terdapat segelintir pelajar tahun akhir di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang tidak bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan kerana mereka terlalu memikirkan persaingan yang sengit untuk medapatkan pekerjaan apabila mereka tamat pengajian kelak. Jumlah pengangguran yang meningkat dan tawaran pekerjaan yang terhad juga menyebabkan kerisauan dan kebimbangan pelajar tahun akhir IPT semakin meningkat. Untuk mendepani cabaran ini, Pelajar tahun akhir hendaklah lebih bersedia dengan melibatkan diri dalam program upskilling. Dengan menyertai program tersebut, pelajar dapat meningkatkan beberapa kemahiran mereka seperti kemahiran berkomunikasi, berfikiran kritis, kreativiti dan kemahiran dalam kumpulan. Makalah ini membincangkan tentang pengaruh penglibatan program upskilling dan kebimbangan kerjaya terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen bagi kajian ini mengandungi 41 jumlah item. Seramai 345 orang responden dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT di Sabah terlibat dalam kajian ini. Hasil analisis mendapati penglibatan pelajar dalam program upskilling membantu pelajar untuk lebih bersedia dalam pencarian pekerjaan yang selesa dan lebih baik. Disamping itu, kajian ini juga mendapati semakin tinggi kebimbangan kerjaya masa hadapan pelajar, maka semakin tinggi kesediaan mereka untuk bekerja. Secara keseluruhannya, isu yang dibincangkan dalam kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar tahun akhir dengan melibatkan diri dalam program upskilling agar lebih bersedia dalam pencarian pekerjaan kelak.